

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 14/09/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 28

Tajuk : 6.5 juta ahli koperasi bakal digerak sebagai sukarelawan



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil Koputra, Marhalim Mohd. Nor (dua dari kanan) selepas majlis menandatangani MoU Rakan Sukarelawan Koop Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ ZAKARIA IDRIS

6.5 juta ahli koperasi bakal digerak sebagai sukarelawan

KUALA LUMPUR 13 Sept. - Operasi syarikat-syarikat koperasi kini tidak sahaja tertumpu kepada ekonomi sebenar malah menjangkau lebih jauh dengan khidmat kesukarelawan di negara ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pada hari ini sahaja, sebanyak sembilan entiti terdiri daripada syarikat-syarikat koperasi, kelab-kelab rekreasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menjalinkan kerjasama dengan Angkasa bagi menjayakan kerja-kerja sukarelawan.

"Kini terdapat sebanyak 14,000 syarikat koperasi dengan keanggotaan seramai 6.5 juta ahli dari seluruh negara.

"Jumlah yang besar ini kalau digerakkan dengan ahli-ahli menawarkan khidmat komuniti, sukarelawan ketika bencana, program-program keceriaan koperasi dan sebagainya lagi, maka ia memberikan perspektif yang le-

bih bermakna kepada pergerakan koperasi di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Rakan Sukarelawan Koop Malaysia di Wisma Ungku Abdul Aziz, Ibu pejabat Angkasa di Kelana Jaya dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail.

Dalam majlis itu Angkasa memeterai MoU dengan Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia (Koputra), Koperasi Perodua Selangor Berhad, Koperasi Minda Usahawan Berhad, Koperasi Shikazo Berhad, Kelab Motosikal Radio Televisyen Malaysia (RTM Bikers Club), Kelab Permotoran Raiders Malaysia, Kelab Sukan dan Rekreasi RTM Angkasapuri, Persatuan Veteran RTM (PVRTM) dan Persatuan Khidmat Masyarakat Bukit Bintang Kuala Lumpur.

Abdul Fattah menambah, pelak-

sanaan kerja-kerja kesukarelawan merupakan tanggungjawab sosial korporat yang menjadi pengenal penting atau DNA kepada setiap koperasi.

"(Ini) Termasuk juga kalau kita hendak menggerakkan 6.5 juta ahli ini untuk melancarkan boikot terhadap barangan yang dijual dengan harga mahal. Bayangkan apa kesannya?"

"Begitu juga dengan menggerakkan supaya semua ahli melakukan pelbagai kerja sukarela tentulah ia akan memberikan kesan dan impak yang besar kepada masyarakat," katanya.

Menurut beliau, Angkasa berharap kewujudan Rakan Sukarelawan Koop Malaysia berupaya menggembelng tenaga bagi menjalankan kerja-kerja kemasyarakatan tanpa mengira masa, keadaan dan tempat.

"Bagi tujuan itu, Angkasa bercadang untuk mengadakan Perhimpunan Sukarelawan Koop Malaysia tidak lama lagi," katanya.